



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
30 APRIL 2024**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai sebut harga berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)
SH/SUKNS/ BIL.10/2024	Membekal Dan Menghantar Pakej Pakaian Rasmi & Aksesori Kontinjen Negeri Sembilan Bagi Temasya Sukan Malaysia XXI 2024	030101 / 030199	RM50.00 setiap satu barang

Dokumen sebut harga boleh dibeli pada waktu pejabat jam **9.00 pagi – 4.00 petang** bermula pada **30 April 2024 hingga 6 Mei 2024** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari 7 Mei 2024 (Selasa)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai sebut harga ini, boleh menghubungi Unit Kewangan di talian berikut **06-760 2045 / 06-765 9917**.